

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NEGARA

Kes beguk tidak menular di Putrajaya

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan menafikan penularan mesej berhubung kejadian kes mumps (beguk) yang kononnya semakin meningkat di sekolah-sekolah sekitar Putrajaya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya menerima mesej tersebut yang disebarluaskan kepada orang ramai pada 13 September lalu namun selepas membuat pemeriksaan hanya terdapat satu kes sahaja iaitu di Sekolah Kebangsaan 11 (2), Presint 11.

"Kejadian tersebut melibatkan 11 atau 0.8 peratus daripada 1,401 orang pelajar dan kakitangan sekolah. Semua pesakit mendapat

rawatan sebagai pesakit luar.

"Orang ramai dinasihatkan agar tidak mempercayai maklumat yang tidak disahkan oleh Kementerian Kesihatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Jelas beliau, kenyataan pertama telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada 15 September lalu namun didapati penularan mesej tersebut masih berlaku.

Penyakit beguk yang berpunca daripada jangkitan virus Paramyxoovirus akan menyebabkan pesakit mengalami demam, sakit kepala, sakit otot, keletihan, hilang selera makan dan bengkak kelenjar parotid atau kelenjar air liur serta sakit.